

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED KACANG BENDI**Standard FAMA : FS024 – 2001****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Kacang Bendi atau nama botaninya *Abelmoschus esculentus* (L.) Moenchi atau *Hibiscus E**sculentus* L. dari famili Malvaceae yang dipasarkan.

2. DEFINASI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:-

- 2.1 *Kematangan* – tahap kematangan Kacang Bendi dibahagikan kepada dua (2) indeks seperti berikut:
 - 2.1.1 Indeks 1 – Belum Matang. Permukaan kulit Kacang Bendi berwarna hijau muda atau hijau mengikut varieti dan sedikit berbulu. Lenggannya tidak berserat, berotot lembut dan mudah dipatahkan. Biji kacangnya belum terbentuk dengan sempurna.
 - 2.1.2 Indeks 2 – Matang. Permukaan kulit Kacang Bendi berwarna hijau muda atau hijau mengikut varieti dan sedikit berbulu. Lenggannya tidak berserat, berotot lembut dan mudah dipatahkan pada hujungnya. Biji kacangnya muda dan lembut.
 - 2.1.3 Indeks 3 – Terlebih Matang. Permukaan kulit Kacang Bendi berwarna hijau keputihan atau hijau kekuningan mengikut variety. Lenggannya telah menjadi berserat dan berotot kuat, liat dan tidak mudah dipatahkan pada hujungnya. Saiznya agak besar dan biji kacangnya tua.
- 2.2 *Kematangan Seragam* – Konsainan yang mengandungi satu tahap kematangan mengikut varieti.
- 2.3 *Segar* – Keadaan Kacang Bendi tidak layu dan kecut.
- 2.4 *Kotor* – Kacang Bendi yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, cebisan daun mati, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 *Kecacatan* – Kacang Bendi yang mempunyai tanda-tanda yang menjelaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
 - 2.5.1 *Cacat* – Kacang Bendi yang bentuknya tidak sempurna seperti terencat (pendek) dan terlalu bengkok samada di tengah atau di hujungnya. Lenggai dengan alurnya yang berbelit dan berpintal. Bilangan alur

yang terdapat pada kacang yang normal ialah lima atau lebih (mengikut varieti).

- 2.5.2 *Cacat rupa* – Tanda-tanda pada permukaan kulit kacang yang mencacatkan rupa luaran seperti berbintik kecil, karat dan nyahwarna tetapi tidak menjelaskan kualiti kacang. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.
- 2.6 *Rosak* – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit, kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjelaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Permukaan kulit Kacang Bendi berwarna hijau muda atau hijau (mengikut varieti), Bentuk yang sempurna dan segar, tidak terlebih matang dan agak bebas daripada kecacatan.
- 3.2 Mempunyai tangkai yang kukuh dan tidak melebihi 1 cm panjangnya.
- 3.3 Kacang Bendi agak bebas daripada rosak disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Kacang Bendi dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Kacang Bendi dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, warna yang seragam, matang (muda dan lembut), segar dan bersih. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
1	Kacang Bendi dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, warna yang seragam, matang (muda dan lembut), segar dan bersih. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $\leq 5\%$ Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
2	Kacang Bendi dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, warna yang seragam, matang (muda dan lembut), segar	Kematangan $\leq 10\%$ Segar $\leq 10\%$ Rosak $\leq 10\%$

	dan bersih. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kecacatan ≤ 10% Keseragaman saiz ≤ 10%
--	--	---

- 4.2 Pengelasan saiz Kacang Bendi ditentukan oleh panjang kacang dalam unit sentimeter (cm) seperti mana jadual berikut:-

Saiz	Kod	Panjang (cm)
Besar	L	> 15
Sedang	M	> 10 – 15
Kecil	S	7 - 10

Rujukan Standard :Specification for Fresh Okra (Lady's Finger) MS: 1230 (1991)

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Kacang Bendi daripada saiz dan gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai dengan sistem pengudaraan yang baik serta memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh
- 5.2.2 Nama/kod penanam
- 5.2.3 Nama/kod pengeksport
- 5.2.4 No. kad pengenalan
- 5.2.5 No. pendaftaran syariat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan untuk kepastian spesifikasi dan gred adalah berdasarkan kepada MS 1187, “Method of sampling for fresh vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.